

KHUTBAH JUMAAT

"KEWAJIPAN MELUNASKAN HUTANG"

(19 Januari 2024M/ 7 Rejab 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Marilah kita tumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Cukup-cukuplah kita dengan perbuatan-perbuatan yang boleh mengurangkan ganjaran pahala Jumaat. Usah bercakap-cakap, simpanlah telefon bimbit untuk seketika. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya. Izinkan khatib untuk membawa hati dan jiwa sekalian yang hadir menghayati khutbah yang bertajuk: "**Kewajipan Melunaskan Hutang**".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam adalah agama yang sangat indah dan memudahkan, tidak pernah sama sekali bersifat menyusahkan. Islam mengharuskan umatnya bermuamalah dalam mengurus kehidupan seharian. Jual beli, sewaan, pajakan, malah hutang-piutang adalah harus selagi tidak memberi mudarat dan bercanggah dengan hukum Syarak.

Fitrah manusia inginkan kesenangan dalam kehidupan dan berlumba-lumba untuk mencari dan mengumpul harta demi mengecapi nikmat kesenangan dan kebahagiaan hidup di dunia. Islam tidak menghalang kita mencari dan mengumpul harta bahkan Islam sangat menggalakkan setiap umatnya berusaha mendapatkan harta dari sumber yang halal lagi baik dan tidak sekali-kali menggunakan cara yang batil dan zalim. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah an-Nisa, ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ۖ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا (٢٩)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta- harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri, sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihi kamu.*

Dalam menampung kos sara hidup yang kian meningkat, sedangkan kebanyakan kita mempunyai sumber pendapatan yang rendah, menyebabkan kita tidak dapat memenuhi keinginan dan impian untuk memiliki kehidupan yang sempurna seperti yang diimpikan. Bertitik tolak daripada perkara inilah hutang dijadikan sebagai salah satu pilihan jalan keluar bagi memenuhi tuntutan untuk hidup senang dan selesa. Persoalannya, adakah amalan berhutang itu suatu keperluan mendesak yang tidak dapat dielakkan; atau suatu yang bukan keperluan, hanya terikut-ikut dengan gaya kehidupan yang menyeronokkan? Memang tidak dinafikan Islam tidak melarang umatnya berhutang tetapi mestilah berlandaskan kepada peraturan syariat-Nya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Realiti hari ini, kehidupan kita tidak dapat lari daripada memilih jalan berhutang. Sebagai contoh, pembelian aset hartanah, kediaman, kenderaan, modal perniagaan, pembiayaan pendidikan tinggi dan sebagainya kebanyakannya melibatkan hutang. Oleh itu, sebagai pengguna yang bijak, beberapa cara yang boleh dijadikan panduan dalam menguruskan bebanan hutang kita, antaranya:

Pertama : Ketahuilah batas atau had jumlah hutang atau pembiayaan yang mampu dibuat berdasarkan kemampuan kewangan kita. Dapatkanlah nasihat pihak yang berautoriti agar kita tidak terjerumus dengan komitmen hutang yang membebankan. Jika tidak mampu, maka janganlah berhutang.

Kedua : Rancanglah perbelanjaan dengan sebaiknya agar dapat diseimbangkan di antara keperluan dengan pembayaran hutang yang dilakukan. Seseorang yang berkemampuan untuk membayar hutang, janganlah dia menangguh-nangguhkan pembayarannya kerana perbuatan tersebut termasuk dalam perkara kezaliman yang ditegah oleh Islam.

Ketiga : Sentiasalah berhubung dengan individu atau pihak yang memberi hutang terutama apabila berlakunya permasalahan dalam pembayaran hutang akibat faktor kewangan semasa, terdapat komitmen lain yang perlu diutamakan atau seumpamanya. Jika kita mengelak daripada berbincang dengan pihak yang memberi hutang pastinya mengundang masalah yang lebih besar kepada kehidupan kita.

Keempat : Di antara keperluan dan keinginan, janganlah mengambil sebarang hutang hanya kerana ingin memenuhi kehendak diri semata-mata kerana kesannya kita dibebani hutang yang tidak perlu sedangkan kita boleh memilih untuk menangguhkan kehendak tersebut di saat kewangan kita semakin kukuh.

Kelima : Elakkanlah daripada berhutang dengan ceti haram atau ah long serta pembiayaan tidak patuh syariah yang mengenakan kadar faedah yang tinggi beserta riba yang jelas diharamkan Islam serta penuh dengan penganiayaan dan penindasan sehingga memudaratkan diri dan keluarga.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Hutang adalah amanah yang wajib dibayar. Membuat hutang bererti meletakkan beban tanggungjawab membayar amanah tersebut dalam hidup seseorang. Sesiapa yang berhutang perlu menetapkan niat dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh untuk segera membayar hutangnya mengikut perjanjian yang telah dipersetujui. Abu Hurairah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ وَمَنْ أَخَذَ يُرِيدُ
إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ))

Maksudnya : *Sesiapa yang mengambil harta manusia (berhutang) dengan niat untuk membayarnya semula, maka Allah subhanahu wata'ala akan menunaikannya untuknya. Sesiapa yang mengambil harta manusia (berhutang) dengan niat untuk menghabiskannya tanpa membayar balik, maka Allah subhanahu wata'ala akan membinasakan dirinya.))*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Justeru, marilah kita semaikan tanggungjawab melunaskan segala hutang piutang seperti pembiayaan peribadi, sewa beli kenderaan, pembiayaan perumahan, pinjaman pendidikan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan lain-lain termasuklah hutang dengan orang lain walaupun nilainya kecil.

Letakkanlah keutamaan terhadap pembayaran hutang terlebih dahulu berbanding perbelanjaan sampingan yang lain. Jika berlaku

kematian, hutang tersebut hendaklah dilangsaikan oleh waris-warisnya atau pentadbir yang dilantik. Hutang boleh dibayar menggunakan harta pusaka yang ditinggalkan. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ، حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ))

Maksudnya : *Roh orang yang beriman itu tergantung (ditangguhkan hisab amalannya) disebabkan hutang, sehingga dibayarkan untuknya hutang tersebut.*

(Hadis riwayat Imam al-Tirmizi)

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mimbar ingin menegaskan, berbelanjalah secara berhemah dan berjimat cermat, serta elakkanlah daripada berhutang jika tidak perlu. Pada masa yang sama, pastikanlah ahli keluarga kita juga diberikan panduan pengurusan kewangan yang baik dan mengelakkan diri daripada berhutang.

Mengakhiri khutbah, hayatilah beberapa kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini:

Pertama : Islam mengharuskan umatnya bermuamalah dalam menguruskan kehidupan seharian. Jual beli, sewaan, pajakan, malahan hutang piutang adalah harus selagi mana ia tidak bercanggah dengan hukum Syarak.

Kedua : Hutang adalah amanah yang wajib dibayar. Berikhtiarlah dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk segera membayar hutang mengikut perjanjian yang telah dipersetujui dan tidak memudaratkan.

Ketiga : Uruskanlah bebanan hutang dengan cara yang baik supaya tidak mengakibatkan kesan kewangan yang teruk kepada keluarga. Utamakanlah keperluan terlebih dahulu daripada keinginan supaya tidak terjebak dalam perangkap hutang.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 282:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ؕ وَلْيَكْتُبَ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ؕ ...

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar)....*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, khatib ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan penduduk Palestin yang tidak henti-henti ditindas oleh rejim zionis Israel. Ketika ini mereka turut diuji dengan kekurangan bekalan makanan, sumber-sumber tenaga, bekalan ubat-ubatan dan keperluan asas yang lain. Bantulah mereka dengan apa jua cara yang termampu dan janganlah lupakan mereka dalam doa kalian. Teruslah berdoa dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar mereka semua diberi kekuatan, kesabaran, dan kemenangan dalam mematahkan segala muslihat dan tipu daya musuh. Amin ya rabbal alamin.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلِّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمْهُمْ وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينِ، وَارْفَعْ عَنْهُمْ
الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada

mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أُتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.